

Peranan Wakaf Dalam Penggerak Ekonomi Islam Bagi Menangani Keterbatasan Dana Dalam Penyelidikan Dan Inovasi Di Sektor Pendidikan TVET

BITARA

Volume 7, Issue 2, 2024: 290-308
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 30 March 2024
Accepted: 18 April 2024
Published: 18 May 2024

[The Role of Waqf in Driving Islamic Economics to Address Funding Limitations in Research and Innovation Within The TVET Education Sector]

Norshahira Kamarzaman¹, Azlin Alisa Ahmad¹, Mat Noor Mat Zain¹ & Mohd Zamro Muda¹

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: shahirakamarzaman@gmail.com, azlinalisa@ukm.edu.my, mnmz@ukm.edu.my, zamro@ukm.edu.my

*Corresponding Author; email: shahirakamarzaman@gmail.com

Abstrak

Wakaf merupakan satu bentuk sumbangan kekal yang diatur oleh prinsip syariah, telah lama diakui sebagai alat kewangan yang berpotensi tinggi dalam menyokong berbagai kegiatan sosial dan pendidikan. Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) dianggap sebagai salah satu komponen penting dalam sistem pendidikan yang menyokong pembangunan tenaga kerja terampil dan memenuhi keperluan industri yang berubah dengan cepat. Namun, institusi TVET sering kali menghadapi cabaran dalam pembiayaan, terutama dalam aspek penyelidikan dan inovasi. Keterbatasan dana ini tidak hanya menghalang kemajuan teknologi dan inovasi tetapi juga mempengaruhi kualiti pendidikan yang diberikan. Dalam konteks peningkatan ekonomi Islam, peranan wakaf dilihat sebagai satu cara untuk menangani keterbatasan dana dalam penyelidikan dan inovasi, terutamanya dalam sektor TVET. Dengan menghimpun data dari pelbagai sumber termasuk kajian literatur, laporan dan data statistik, kajian ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai konsep wakaf dalam Islam, prinsip ekonomi Islam dan kaitannya dengan wakaf, peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi, serta mengenal pasti potensi wakaf sebagai mekanisme pembiayaan alternatif yang dapat menyokong kegiatan penyelidikan dan inovasi di institusi TVET. Kajian ini turut membincangkan cabaran dalam pengurusan aset wakaf serta membuat perbandingan antara wakaf dengan model endowment dalam konteks pendidikan. Hasil kajian menekankan kepentingan wakaf sebagai instrumen pembiayaan yang berkesan dalam menangani keterbatasan dana penyelidikan dan inovasi TVET, justeru menyokong pembangunan modal insan yang berkualiti dan memacu ekonomi Islam ke arah yang lebih mampan dan inklusif.

Kata kunci: Wakaf, Ekonomi Islam, Penyelidikan dan Inovasi dan Keterbatasan Dana.

Abstract

Waqf, a form of perpetual endowment governed by Sharia principles, has long been recognized as a high-potential financial instrument in supporting various social and educational activities. Technical and Vocational Education and Training (TVET) is considered a crucial component of the education system, fostering the development of skilled workforce and meeting the rapidly changing needs of industries. However, TVET institutions often face challenges in financing, particularly in the aspects of research and innovation. This funding limitation not only hinders technological advancement and

innovation but also affects the quality of education provided. In the context of Islamic economic growth, the role of waqf is seen as a means to address the funding constraints in research and innovation, especially in the TVET sector. By gathering data from various sources, including literature reviews, reports, and statistical data, this study aims to provide a deeper understanding of the concept of waqf in Islam, the principles of Islamic economics and their relation to waqf, the role of waqf in economic development, and to identify the potential of waqf as an alternative financing mechanism that can support research and innovation activities in TVET institutions. The study also discusses the challenges in managing waqf assets and compares waqf with the endowment model in the context of education. The findings emphasize the importance of waqf as an effective financing instrument in addressing the limitations of research and innovation funding in TVET, thereby supporting the development of quality human capital and driving the Islamic economy towards a more sustainable and inclusive direction.

Keywords: Waqf, Islamic Economics, Research and Innovation, Funding Constraints

Cite This Article:

Norshahira Kamarzaman, Azlin Alisa Ahmad, Mat Noor Mat Zain & Mohd Zamro Muda. (2024). Peranan Wakaf Dalam Penggerak Ekonomi Islam Bagi Menangani Keterbatasan Dana Dalam Penyelidikan Dan Inovasi Di Sektor Pendidikan TVET [The Role Of Waqf In Driving Islamic Economics To Address Funding Limitations In Research And Innovation Within The TVET Education Sector]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(2): 290-308.

Pengenalan

Wakaf merupakan satu bentuk sumbangan kekal yang diatur oleh prinsip syariah yang telah lama diakui sebagai alat kewangan yang berpotensi tinggi dalam mendukung pelbagai kegiatan sosial dan pendidikan. Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) dianggap sebagai salah satu komponen kritikal dalam sistem pendidikan yang menyokong pembangunan tenaga kerja mahir dan memenuhi keperluan industri yang berubah dengan cepat. Namun, institusi TVET sering kali menghadapi cabaran dalam pembiayaan, terutama dalam aspek penyelidikan dan inovasi. Keterbatasan dana ini tidak hanya menghalang kemajuan teknologi dan inovasi tetapi juga mempengaruhi kualiti pendidikan yang diberikan. Dalam konteks peningkatan ekonomi Islam, peranan wakaf semakin diperhatikan sebagai satu cara untuk menangani keterbatasan dana dalam penyelidikan dan inovasi, terutamanya dalam sektor pendidikan TVET. Di sinilah wakaf dilihat berpotensi untuk dijadikan sebagai mekanisme pembiayaan alternatif yang dapat menyokong kegiatan penyelidikan dan inovasi di institusi TVET.

Wakaf tidak hanya menyumbang kepada pembangunan infrastruktur, tetapi juga memberi dorongan kepada inisiatif-inisiatif pembangunan yang berkaitan dengan peningkatan kualiti pendidikan dan pembangunan kemahiran. Oleh itu, dalam kajian ini akan melihat secara terperinci bagaimana wakaf memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan ekonomi Islam melalui pembiayaan projek-projek penyelidikan dan inovasi dalam pendidikan TVET. Dengan menghimpun data dari pelbagai sumber termasuk kajian literatur, laporan dan data statistik, kajian ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan wakaf dalam memacu kemajuan ekonomi Islam, khususnya dalam menangani isu keterbatasan dana dalam penyelidikan dan inovasi di sektor pendidikan TVET.

Kajian Literatur

Dalam memperluas pemahaman tentang potensi wakaf dalam pendidikan, kajian ini mengulas kajian-kajian lepas yang mengkaji penggunaan wakaf dalam sektor pendidikan terhadap perkembangan ekonomi Islam. Ulasan ini menyoroti bagaimana wakaf telah membantu mendanai institusi pendidikan dari segi infrastruktur dan biasiswa, serta model ini dapat diadaptasi untuk penyelidikan dan inovasi di TVET. Kajian ini juga meneliti potensi wakaf dalam pembiayaan penyelidikan dan inovasi dari segi konsep wakaf dalam Islam, prinsip ekonomi Islam dan wakaf, peranan wakaf kepada pembangunan ekonomi, mengenal pasti keterbatasan dana dalam penyelidikan dan inovasi di sektor pendidikan TVET.

Konsep Wakaf dalam Islam

Wakaf sebuah konsep yang kaya dengan nilai-nilai keagamaan dan kemasyarakatan, memegang peranan penting dalam landskap ekonomi Islam. Menurut syariah Islam, wakaf merujuk kepada amalan memberi harta secara kekal untuk tujuan amal atau kegunaan umum, tanpa mengubah hak milik harta tersebut dari pemilik asal (Permana & Rukmanda 2021). Definisi ini menegaskan komitmen untuk menyumbangkan harta demi kepentingan umum, menjadikan wakaf sebagai instrumen penting dalam menyokong pembangunan ekonomi masyarakat yang berteraskan nilai-nilai keadilan dan kesejahteraan bersama (Md Nawi Noor Hisham et al. 2018). Ini menunjukkan bahawa wakaf bukan sekadar merupakan amalan filantropi, tetapi juga memiliki implikasi yang mendalam dalam pembangunan sosio-ekonomi umat Islam.

Wakaf sering dimaksudkan sebagai sumbangan dalam bentuk harta tidak bergerak seperti tanah dan bangunan, yang kebanyakan digunakan untuk pembangunan masjid dan institusi pendidikan. Namun dengan pemahaman masyarakat yang semakin meningkat tentang amalan filantropi dalam Islam, wakaf tunai dilihat mampu meningkatkan kesejahteraan ekonomi umat Islam secara maksimum (Said & Amiruddin 2019). Dalam Al-Quran, walaupun tidak secara spesifik menyebut istilah wakaf, konsep beramal dengan harta untuk kepentingan umum adalah jelas dan disokong, sebagaimana yang tercatat dalam Surah Al-Baqarah (2:261):

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya.

Dalam ayat ini mengumpamakan kebaikan yang dibuat oleh orang yang membelanjakan hartanya di jalan Allah sebagai biji yang menghasilkan tujuh tangkai, di setiap tangkai seratus biji. Ini menunjukkan berlipat ganda pahala bagi amalan menderma dalam Islam (Zaldi & Tanjung 2023).

Terdapat beberapa jenis wakaf iaitu Wakaf Ahli dan Wakaf Khairi. Wakaf Ahli yang ditujukan untuk kebajikan dan kelangsungan hidup ahli keluarga pewakaf. Wakaf ini merupakan amalan yang dipersetujui kesahannya oleh majoriti ulama daripada mazhab Syafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Wakaf Ahli yang menguntungkan ahli keluarga penderma dan kemudian masyarakat umum apabila tiada lagi waris. Konsep ini juga boleh dikategorikan sebagai *waqf musytarak*, di mana sebahagian manfaatnya dibahagikan kepada ahli keluarga dan sebahagian lagi untuk masyarakat umum (Sakinah Abdul Samad et al. 2022).

Wakaf Khairi atau wakaf umum pula ialah wakaf yang sejak awal ditujukan untuk kepentingan umum, tidak dikhususkan untuk orang-orang tertentu. *Wakaf khairi* ini selari dengan semangat amalan wakaf yang sangat digalakkan dalam ajaran Islam, di mana dinyatakan bahawa pahalanya akan terus mengalir, walaupun pewakaf telah meninggal dunia, selagi harta wakaf masih boleh dimanfaatkan. Wakaf ini dapat dinikmati oleh masyarakat secara luas dan dapat menjadi salah satu cara untuk melaksanakan kesejahteraan masyarakat, sama ada dalam bidang sosioekonomi, pendidikan, kebudayaan, mahupun keagamaan (Dalhari 2022).

Pengurusan Wakaf dilakukan oleh *mutawalli* yang bertanggungjawab untuk mengurus dan memastikan pendapatan dari wakaf digunakan sesuai dengan niat asal penderma (Majid Omar et al. 2023). Di samping itu, wakaf juga dilihat sebagai *sadaqah jariyah*, yang mana penderma akan terus mendapat pahala selama manfaat dari wakaf tersebut terus digunakan (Iskandar 2023). Ini menjadikan Wakaf sebagai salah satu cara penting dalam membina infrastruktur sosial dan keagamaan yang berkesinambungan dalam masyarakat Islam.

Dalam konteks pendidikan, wakaf membuka pintu kepada pelbagai peluang seperti menubuhkan institusi pendidikan baru seperti pembangunan sekolah dan madrasah (Fuad & Salleh 2019), menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang memerlukan atau meningkatkan kemudahan dan program pendidikan yang sedia ada (Alias et al. 2020). Walaupun demikian, pelaksanaan wakaf tidak terlepas dari prinsip-prinsip asas yang mengawalinya. Kekekalan harta wakaf, larangan penggunaan untuk tujuan peribadi, dan pengurusan yang cekap adalah antara prinsip-prinsip yang perlu dipegang teguh untuk memastikan kesinambungan dan penggunaan yang berkesan daripada hasil wakaf.

Prinsip Ekonomi Islam dan Wakaf

Dalam konteks ekonomi Islam, wakaf merupakan instrumen yang menyokong prinsip-prinsip asas ekonomi Islam yang menekankan keadilan sosial (Muhammadiyah et al. 2024), pengagihan semula kekayaan (Mohd Sarip 2023) dan pembangunan mampan (Talib, Abdul Ghani, et al. 2023). Sejalan dengan prinsip keadilan sosial dalam Islam dengan memberi peluang kepada individu yang kurang berkemampuan untuk mendapat manfaat daripada harta yang disumbangkan. Melalui institusi wakaf, sumber daya dapat disalurkan kepada golongan yang memerlukan seperti pelajar miskin, anak yatim, atau golongan kurang bernasib baik. Ini membantu memastikan bahawa kekayaan dan peluang di masyarakat disebarkan secara lebih adil, mengurangkan jurang sosial dan memupuk perasaan kesetiaan dan bantu-membantu di kalangan masyarakat.

Wakaf memainkan peranan penting dalam pengedaran semula kekayaan dengan memanfaatkan harta yang diberikan untuk tujuan produktif dan memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan. Misalnya, wakaf pendidikan dapat digunakan untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi kepada generasi akan datang (Ramli et al. 2023), membolehkan mereka memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial (M. Ismail et al. 2021). Dengan cara ini, wakaf membantu mewujudkan ekonomi yang lebih dinamik dan inklusif dengan mengalirkan kekayaan kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Dalam konteks ekonomi Islam, wakaf berperanan dalam menyokong pembangunan mampan dengan memberikan akses kepada sumber daya yang berterusan dan kekal untuk kegunaan umum (Basiron et al. 2024). Dengan memberi sumbangan harta secara kekal, wakaf membentuk landasan kukuh bagi pembangunan jangka panjang (Adinta et al. 2020). Ini membolehkan institusi pendidikan dan sosial beroperasi dengan cemerlang tanpa bergantung sepenuhnya kepada sumber kewangan kerajaan. Ini menunjukkan bahawa wakaf adalah instrumen penting dalam memperkuat pembangunan ekonomi Islam dengan menyediakan sumber daya yang berterusan untuk kepentingan umum.

Secara kesimpulannya, wakaf bukan sahaja merupakan warisan keagamaan, tetapi juga satu instrumen yang efektif dalam menyokong prinsip-prinsip ekonomi Islam yang mementingkan keadilan sosial, pengagihan semula kekayaan, dan pembangunan mampan. Dengan pemahaman yang mendalam tentang peranan wakaf dalam ekonomi Islam, kita dapat memanfaatkannya secara optimum untuk memperkuat struktur sosioekonomi yang adil dan berkesan.

Peranan Wakaf Kepada Pembangunan Ekonomi

Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi Islam adalah sangat penting. Wakaf memberikan sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Islam melalui beberapa cara. Melalui wakaf dapat membantu dalam menyediakan sumber kewangan yang berterusan untuk membiayai projek-projek pembangunan yang memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan. Ini termasuk dalam sektor pendidikan, kesihatan, infrastruktur, dan sosial.

Wakaf memainkan peranan yang amat penting dalam sektor kesihatan terutamanya dalam menangani wabak COVID-19. Kurniawan dan Mohiddin (2021) menunjukkan bahawa wakaf kesihatan dapat membantu dalam menangani isu kenaikan kos perubatan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) (Kurniawan & Mohiddin 2021). Tambahan pula, sumbangan dari Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam pembangunan sosioekonomi ummah, terutamanya dalam sektor kesihatan, amat besar seperti kemudahan hemodialisis, peralatan perubatan, ubat-ubatan, klinik wakaf, perkhidmatan rawatan kesihatan, dan wakaf peralatan khas COVID-19 (Mohd Ali 2023).

Dengan keperluan untuk menjaga kemampuan dan kelestarian penjagaan kesihatan negara dalam jangka masa panjang, Mohd Daud (2021) mengesyorkan penggunaan dana wakaf sebagai satu cara untuk memperbaiki pembiayaan penjagaan kesihatan awam di Malaysia (Mohamed Daud et al. 2021).

Kesimpulannya, wakaf kesihatan memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan akses dan kualiti penjagaan kesihatan masyarakat. Ini menunjukkan kepentingan

untuk terus memanfaatkan potensi wakaf dalam menyokong sistem kesihatan negara untuk masa depan yang lebih mapan.

Kajian telah menunjukkan bahawa mekanisme wakaf dalam sektor penternakan memiliki potensi yang sangat baik untuk dikembangkan di Malaysia. Ini disebabkan oleh polisi kerajaan yang berkaitan dengan industri penternakan, keperluan peningkatan sekuriti makanan, dan trend perkembangan wakaf di Malaysia yang semakin dipelbagaikan dalam memaksimumkan manfaat instrumen ekonomi Islam melalui wakaf (Mohamed Daud et al. 2021). Hasil kajian ini dapat membantu pihak berkepentingan untuk memperhalusi dan memperkembangkan wakaf dalam pelbagai sektor ternakan bagi memenuhi keperluan semasa. Selain itu, kajian menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembangunan wakaf produktif meningkatkan ekonomi masyarakat di Selangor (Yafi 2024). Ini memberi kesan positif kepada ekonomi komuniti tempatan dengan membuka peluang perniagaan baru dan meningkatkan pendapatan. Manfaat sosial yang signifikan juga diperoleh melalui peningkatan kesejahteraan dan pemberdayaan komuniti. Dengan demikian, hasil kesemua kajian ini menyoroti pentingnya wakaf dalam menyokong pembangunan ekonomi dan sosial negara serta memberikan pandangan tentang potensi wakaf sebagai instrumen pembangunan yang berkesan kepada masyarakat.

Penggunaan wakaf dalam industri makanan di Malaysia telah diwujudkan melalui beberapa projek. Contohnya, Ladang Sawit Perkaya Sdn Bhd di Kemaman, Terengganu, yang diwakafkan pada 1992, memberi tumpuan kepada kebajikan dengan menyediakan pendapatan untuk Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Terengganu (PERKAYA) melalui tanaman kelapa sawit dan projek ternakan lembu dan kambing (Talib, Sarip, et al. 2023); (Amaludin Ab. Rahman 2017). Di samping itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka juga menjalankan projek wakaf dusun buah-buahan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Melaka, MARDI Melaka, dan FAMA Melaka (Talib, Sarip, et al. 2023). Selain itu, terdapat juga projek penanaman nenas MD2 atas tanah wakaf yang disewa dari Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) seluas 6.2 ekar di Kampung Sungai Merab, Kajang. Projek ini memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan merupakan satu usaha untuk membangunkan tanah wakaf terbiar (Berita Harian 2023). Projek-projek ini bertujuan untuk menyokong ekonomi golongan asnaf dan membantu membangunkan tanah wakaf yang belum digunakan (Ahmad Rashid et al. 2023). Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern (YPPWPM) Gontor melaksanakan pelaksanaan wakaf melalui sistem pajakan tanah. Mereka juga terlibat dalam pembangunan tanah wakaf dengan menyediakan peralatan pertanian kepada petani. Ini merupakan satu usaha untuk memperluas penggunaan tanah wakaf dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat (Ahmad Rashid et al. 2023). Wakaf makanan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat. Pelaksanaan wakaf dalam industri makanan menyediakan sumber makanan, peluang pekerjaan, dan menyokong ekonomi golongan asnaf. Ini menunjukkan kepentingan wakaf dalam meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat secara menyeluruh.

Wakaf juga membuktikan keberkesannya dalam memperkukuhkan ekonomi Islam, terutamanya dalam bidang pendidikan. Penggunaan wakaf dalam pembinaan Masjid Quba dan Masjid al-Nabawi oleh Nabi Muhammad SAW menegaskan betapa pentingnya wakaf dalam membiayai pembangunan institusi pendidikan (Mohd Yusuf & Abdullah 2022). Di samping itu, sumbangan wakaf dari tokoh-tokoh seperti *Wakaf Ayubi* dan *Wakaf Mamalik* juga memberi

dorongan besar kepada pembangunan pendidikan Islam di Palestin dan Mesir (Kasdi et al. 2018). Khalifah al-Makmum pula merupakan penggerak utama dalam menggunakan wakaf untuk membiayai institusi pendidikan Islam (Azmi 2020). Kajian juga menunjukkan bahawa hampir semua universiti di seluruh negara telah menubuhkan wakaf pendidikan dalam pengurusan sistem universiti mereka. Malah, konsep yang sama telah diperluaskan oleh masyarakat Barat dan dikenali sebagai *endowment*, di mana universiti seperti Oxford dan Cambridge di United Kingdom serta Harvard dan Stanford di Amerika Syarikat telah mengamalkan konsep tersebut (Mohd Daud et al. 2022). Sebagai contoh, Universiti Harvard disenaraikan sebagai universiti yang paling kaya dengan aset *endowment* bernilai lebih daripada USD\$30 bilion (Mohoddin 2021). Kesimpulannya, wakaf terbukti berkesan dalam memperkukuhkan ekonomi Islam, terutamanya dalam bidang pendidikan, dan konsep ini telah diterima pakai secara meluas oleh pelbagai masyarakat di seluruh dunia.

Institusi pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) memainkan peranan yang penting dalam menyediakan kemahiran dan latihan kepada pelajar untuk memasuki pasaran kerja. Bagi memastikan kelancaran program-program pembelajaran dan pembangunan kemahiran, institusi TVET memerlukan sokongan kewangan yang mencukupi. Penemuan kajian (Oviawe & History 2020) mendapati bahawa terdapat pelbagai sumber pembiayaan untuk TVET. Antara sumber pembiayaan yang dikenal pasti ialah sumbangan berupa peralatan, kelengkapan dan bahan pembelajaran daripada persatuan alumni dan bantuan luar negara. Selain itu, perkongsian awam-swasta, cukai pembangunan kemahiran pekerja, cukai transaksi mata wang, cukai kesepaduan tiket udara, yuran khusus untuk kemudahan akademik serta peruntukan khas kerajaan untuk TVET turut menyumbang kepada pembiayaan dalam bidang pendidikan ini. Walaupun secara umumnya *endowment* ini tidak dianggap sebagai wakaf, namun penggunaan konsep ini dalam konteks pendidikan vokasional dan teknikal (TVET) merupakan satu idea atau inovasi yang baru dalam penamaan wakaf dalam bidang ini.

Keterbatasan Dana dalam Penyelidikan dan Inovasi di Sektor Pendidikan TVET

Masalah keterbatasan dana yang dihadapi oleh institusi TVET secara langsung mempengaruhi kemampuan pensyarah dalam melakukan penyelidikan dan mengembangkan inovasi. Aktiviti penyelidikan dan inovasi memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti pendidikan dan latihan vokasional dan teknikal (TVET) kerana ia bukan sahaja meningkatkan mutu pengajaran, malah membolehkan kurikulum dan kaedah pengajaran sentiasa relevan dengan keperluan semasa industri yang sering berubah. Namun, kekangan kewangan yang dihadapi oleh institusi TVET seperti politeknik dan kolej komuniti menyukarkan pensyarah untuk melaksanakan penyelidikan yang memerlukan akses kepada teknologi terkini, bahan dan sumber berkaitan. Kajian menunjukkan bahawa peruntukan kewangan yang terhad untuk tujuan inovasi merupakan cabaran utama kepada institusi TVET untuk terus mempertingkatkan kualiti pendidikan mereka (Ahmad 2018). Dapatan ini disokong oleh kajian Shaliza Amira Sarif et al. (2017) yang menekankan kepentingan akses kepada dana kewangan dalam meningkatkan minat pensyarah untuk terlibat dalam aktiviti penyelidikan. Kajian tersebut menunjukkan bahawa ketersediaan dana penyelidikan yang mencukupi merupakan faktor penting yang

mempengaruhi keinginan pensyarah untuk melaksanakan penyelidikan dalam bidang masing-masing (Sarif et al. 2017). Responden dalam kajian Razaki et al. (2020) juga mengakui bahawa pensyarah memerlukan sokongan kewangan dan sumber dari institusi untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi (Razaki et al. 2020). Oleh itu, kekurangan sumber kewangan untuk tujuan penyelidikan boleh menyebabkan kurangnya minat dalam kalangan pensyarah untuk terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan inovasi.

Kajian yang dilakukan oleh Kamalian et al. (2011) turut mengesahkan bahawa kos yang tinggi merupakan kekangan utama kepada usaha inovasi dalam sesebuah institusi. Penemuan ini disokong oleh hasil kajian yang sama (Kamalian et al. 2011). Selain itu, Özkan dan Songül (2020) juga membuat kesimpulan bahawa kekangan dana dan sumber merupakan dua faktor penghalang utama kepada pelaksanaan inovasi yang berkesan (Ozan & Songül 2020). Kedua-dua kajian ini menegaskan bahawa masalah kewangan dan kekurangan sumber adalah cabaran besar untuk merealisasikan usaha inovasi dalam sesebuah organisasi, termasuk institusi pendidikan.

Laporan terbaru dari Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) mendedahkan bahawa jumlah dana penyelidikan yang diperuntukkan kepada pensyarah di politeknik dan kolej komuniti telah mengalami penurunan dari tahun 2018 hingga 2022. Walaupun bilangan pensyarah semakin meningkat, dana penyelidikan yang diberikan tidak setara dengan peningkatan tersebut di seluruh Malaysia (JPPKK 2023). Kekangan dana ini mengakibatkan kekurangan sumber penyelidikan, menyekat akses pensyarah kepada teknologi terkini, dan menghalang potensi mereka untuk menyumbang kepada kemajuan industri dan teknologi. Situasi ini membimbangkan kerana ia boleh menjejaskan perkembangan aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam bidang pendidikan vokasional dan teknikal (TVET). Oleh itu, pihak berkuasa perlu memberi perhatian dan mengambil langkah proaktif untuk menangani trend penurunan dana penyelidikan ini bagi memastikan kemampanan pembangunan penyelidikan dan inovasi dalam TVET.

Disebabkan kekangan dana penyelidikan, pensyarah di Politeknik dan Kolej Komuniti terpaksa bersaing dengan pensyarah dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) untuk mendapatkan dana daripada MyGRANTS. Peluang yang terhad untuk memperoleh dana ini memaksa mereka menggunakan sebahagian gaji mereka sendiri untuk menjalankan penyelidikan, penerbitan, dan menghasilkan inovasi serta turut serta dalam pertandingan (Razaki et al. 2020). Mereka menanggung sepenuhnya kos yuran dan pembiayaan proses tersebut. Gaji yang diterima tidak mencukupi untuk menyokong aktiviti penyelidikan (Jantan 2010). Tambahan pula, penghasilan inovasi dan penyertaan dalam pertandingan melibatkan perbelanjaan yang tinggi (Sarif et al. 2017). Situasi ini akan memberi tekanan kepada pensyarah dalam menjalankan penyelidikan mereka, boleh mengakibatkan burnout, dan menurunkan komitmen terhadap organisasi (Ayub 2008).

Dalam kajian terkini oleh Anyiendah et al. (2023), isu-isu penting yang berkaitan dengan Pendidikan dan Latihan Vokasional (TVET) telah ditekankan, khususnya keterbatasan pembiayaan yang secara tidak langsung menyebabkan ketidakstabilan institusi ini. Masih terdapat keterbatasan dalam pembiayaan dan perbelanjaan bagi institusi TVET, yang menimbulkan seruan untuk meningkatkan sumbangan dana dari kerajaan dan mendorong sektor swasta serta penyumbang individu untuk turut serta. Menurut kajian yang dilakukan oleh Mahmud et al. (2020), cadangan telah diajukan untuk memberi peruntukan kewangan yang

mencukupi bagi meningkatkan kepuasan kerja di kalangan staf kolej komuniti dan politeknik. Kajian terkini oleh Anyiendah et al. (2023) dan Mahmud et al. (2020) telah mengetengahkan isu kekangan kewangan yang dihadapi oleh institusi Pendidikan dan Latihan Vokasional (TVET). Anyiendah et al. (2023) menekankan bahawa keterbatasan pembiayaan telah menyumbang kepada ketidakstabilan institusi ini. Sementara itu, Mahmud et al. (2020) mencadangkan agar peruntukan kewangan yang mencukupi disediakan untuk meningkatkan kepuasan kerja staf di kolej komuniti dan politeknik. Kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa kekurangan dana merupakan cabaran utama yang mempengaruhi kestabilan institusi TVET, justeru peningkatan sumbangan kewangan daripada kerajaan, sektor swasta, dan penyumbang individu adalah perlu bagi menangani masalah ini (Anyiendah et al. 2023) (Mahmud et al. 2020).

Ketidakstabilan dalam pembiayaan institusi TVET memberi kesan negatif terhadap pembangunan ekonomi dan pembangunan insan. Ini kerana kurangnya dana boleh menghalang penyediaan latihan berkualiti tinggi kepada pelajar, merencatkan pertumbuhan ekonomi kerana kurangnya tenaga kerja berkemahiran, dan juga menjejaskan kualiti pengajaran serta pembelajaran, menghalang pembangunan individu secara menyeluruh.

Wakaf Sebagai Mekanisme Pendanaan

Wakaf memainkan peranan penting dalam pemacuan ekonomi Islam dengan menyediakan pembiayaan yang berterusan untuk pembangunan projek-projek ekonomi yang memberi manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh. Dalam sejarah Islam, wakaf dan pendidikan umat Islam adalah dua konsep yang sangat berhubungan rapat. Sejarah menunjukkan betapa pentingnya pendidikan dalam pembangunan individu yang berkualiti. Sebagai contoh, di kurun ke-12, institusi pendidikan tinggi hadith Dar al-Hadith al-Nuriyyah yang didirikan oleh Sultan Nur al-Din bin Zanki di Damsyik, Syria, melalui sistem wakaf telah berjaya menghasilkan para ulama terkemuka seperti al-Dhahabi, al-Nawawi, Ibn al-Athir, Abu Shamah, dan banyak lagi (Nawi & Ismail 2020). Melalui pelaburan dalam sektor pendidikan TVET, wakaf membolehkan pembangunan kemahiran yang berkualiti tinggi dan relevan dengan permintaan pasaran tenaga kerja, yang pada gilirannya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mapan dan inklusif.

Wakaf membuka peluang bagi golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapat pendidikan dan latihan melalui institusi TVET yang dibiayai oleh wakaf. Melalui kursus-kursus yang disesuaikan dengan keperluan industri dan pembangunan kemahiran yang relevan, pelajar yang terlibat mendapat akses kepada pendidikan berkualiti tanpa perlu bimbang tentang masalah kewangan. Ini membantu meningkatkan pembangunan modal insan di kalangan mereka, memperkukuh daya saing, dan meningkatkan potensi kebolehpasaran mereka di masa depan. Berdasarkan kajian menunjukkan bahawa wakaf tunai merupakan satu kaedah yang berkesan dalam memberi bantuan kepada pelajar yang tidak mampu (Hilmi & Mohd Shafiai 2022). Sumbangan wakaf ini tidak hanya memberi manfaat kepada pelajar secara langsung dengan mengurangkan beban kewangan dan kos sara hidup, tetapi juga memberi kesan positif terhadap pembangunan modal insan (Nawi & Ismail 2020). Sumbangan wang tunai juga boleh diberikan sebagai wakaf untuk menyokong penyelidikan dan inovasi dalam pendidikan TVET. Dana tersebut kemudiannya boleh digunakan untuk menampung kos penyelidikan, membiayai

program inovasi, atau memberikan bantuan kewangan kepada pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional.

Selain itu, wakaf juga boleh digunakan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada individu-individu yang memerlukan untuk menampung kos pendidikan dan latihan dalam bidang TVET. Contohnya, wakaf boleh digunakan untuk menaja pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dengan menyediakan bantuan kewangan seperti biasiswa atau pinjaman pendidikan yang berpatutan. Dana wakaf menerima pelbagai jenis aset seperti aset tunai, saham, dan aset kewangan, baik dari dalam negara mahupun luar negara. Aset-aset ini kemudiannya digunakan untuk membantu dalam membiayai biasiswa, pinjaman, dan pelbagai urusan pengembangan dana, termasuk aktiviti pelaburan. Sebagai contoh, Universiti Antarabangsa AlBukhari (AiU) di Kedah adalah salah satu institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia yang sepenuhnya dibiayai oleh dana wakaf (Maharani et al. 2018). Penubuhan dana wakaf UTM juga digunakan untuk memberikan biasiswa kepada mahasiswa sebagai alternatif kepada bantuan pendidikan sedia ada (Don et al. 2022). Ini akan membantu mengurangkan beban kewangan yang dialami oleh golongan tersebut dan membolehkan mereka untuk mengakses peluang pendidikan yang sebaiknya.

Bank Dunia telah terlibat dalam memberikan pinjaman pembiayaan sejak 1950-an, dengan memberi fokus kepada sektor pendidikan vokasional. Pinjaman yang diberikan biasanya berbentuk perjanjian pinjaman kewangan, seperti yang dilakukan kepada Tunisia pada 1962 untuk membangunkan infrastruktur pendidikan. Melihat kepada kepentingan semasa institusi vokasional, terdapat cadangan untuk memperkembangkan Sistem Wakaf dalam pendidikan sebagai alternatif kepada model pembiayaan Bank Dunia (M. H. Ismail et al. 2015). Sistem wakaf menawarkan peluang yang signifikan untuk memperkukuhkan institusi vokasional dengan lebih baik dan sesuai dengan keperluan semasa. Wakaf dapat digunakan untuk membina infrastruktur pendidikan yang berkualiti dalam bidang TVET di kawasan-kawasan yang memerlukan. Ini termasuk pembinaan kemudahan-kemudahan moden serta peralatan yang diperlukan untuk melaksanakan latihan-latihan praktikal dalam bidang-bidang seperti pembuatan, pembinaan, atau perkhidmatan automotif. Dengan menyediakan infrastruktur yang berkualiti, sumbangan melalui wakaf harta atau tanah kepada institusi pendidikan TVET memberi peluang untuk membiayai pembinaan dan penyelenggaraan fasiliti untuk aktiviti penyelidikan dan inovasi yang lebih luas.

Secara keseluruhannya, wakaf memainkan peranan penting dalam mengurangkan jurang sosioekonomi dengan menyediakan peluang pendidikan dan latihan kepada golongan yang kurang berkemampuan, meningkatkan kapasiti tenaga kerja dalam bidang TVET. Melalui penyediaan akses kepada pendidikan berkualiti, bantuan kewangan, dan infrastruktur pendidikan yang berkualiti, wakaf memegang peranan penting terutama dalam konteks pendidikan TVET di mana ia membuka peluang akses kepada pendidikan berkualiti tanpa kebimbangan kewangan dan menyokong penyelidikan serta inovasi.

Cabaran-cabaran dalam Pengurusan Aset Wakaf

Pengurusan wakaf memainkan peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan pelaburan wakaf untuk memacu ekonomi Islam menerusi pendidikan TVET, dengan mematuhi

undang-undang Malaysia yang berkaitan. Proses pengurusan wakaf melibatkan tadbir urus aset wakaf dengan teliti dan cekap, termasuk pemantauan prestasi pelaburan dan strategi pengurusan risiko yang sesuai, selaras dengan peraturan undang-undang. Menurut kajian yang dijalankan oleh Abdullah, S. R. (2020) menunjukkan pelaksanaan yang cemerlang dalam meningkatkan kecekapan pengurusan tadbir urus pembiayaan harta wakaf (Abdullah 2020) dengan mengikut segala undang-undang pengurusan wakaf terkandung dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing (Syed Abdul Kader 2016). Selain itu, keupayaan pengurusan wakaf dalam mengenal pasti risiko mampu meningkatkan keberkesanan urus tadbir dapat menyumbang beberapa risiko-risiko yang wujud dalam pengurusan wakaf pendidikan tinggi dapat dijadikan panduan dalam pelaksanaan wakaf di Institusi TVET (Abdullah 2020). Oleh itu, pentadbiran yang cermat dalam pengurusan wakaf sangat penting untuk memastikan pelaburan wakaf memberi pulangan yang optimum dan memberi sokongan yang kukuh kepada sektor pendidikan TVET dan mematuhi undang-undang wakaf yang berlaku di Malaysia.

Selain itu, pengurusan wakaf yang baik turut memastikan ketelusan dalam penggunaan dana wakaf, menjadikannya lebih mudah bagi pihak berkepentingan untuk memantau dan menilai kesan program-program yang disokong oleh wakaf tersebut. Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri pada 27 Mac 2004 bertujuan untuk memberi sokongan kepada MAIN dalam pelaksanaan pembangunan harta wakaf dengan lebih efisien. JAWHAR mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pentadbiran harta wakaf dijalankan dengan lebih teratur, sistematik, dan berkesan. Antara tugas dan bidang kuasa JAWHAR termasuklah perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan penyelarasan pembangunan institusi wakaf agar dapat memberikan sumbangan yang lebih berkesan dalam pembangunan sosioekonomi ummah (Md Salleh et al. 2022). JAWHAR memainkan peranan penting dalam memastikan pentadbiran harta wakaf berjalan dengan teratur, sistematik, dan berkesan.

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) yang ditubuhkan pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 oleh JAWHAR dengan tujuan menyelaraskan dan menggalakkan pembangunan harta wakaf secara sistematik di seluruh negara. YWM bertindak sebagai pelengkap pentadbiran wakaf di Malaysia dan mengumpul dana wakaf untuk dijadikan modal ekonomi umat Islam melalui pelbagai program dan produk wakaf. Ia juga berperanan sebagai pusat rujukan mengenai wakaf dan menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam memperkasakan ekonomi umat Islam. YWM juga merangka aktiviti kebajikan sosial dan melaksanakan pelaburan menggunakan dana wakaf yang ada. Melalui peruntukan kerajaan dan program lain, YWM mendapat sokongan penting untuk menjalankan misinya dalam memajukan harta wakaf di Malaysia (Mohamad Dahalan 2023). Dengan tugas dan bidang kuasa yang meliputi perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan penyelarasan pembangunan institusi wakaf, JAWHAR dan YWM berupaya memberikan sumbangan yang signifikan dalam pembangunan sosioekonomi ummah.

Kajian juga dilakukan dalam menambahbaik model pelaporan wakaf serta menganalisis amalan pendedahan maklumat untuk memastikan kejelasan dan ketelusan kepada semua pihak yang terlibat. Kajian oleh Hisham & Muwazir (2021) mendapati dengan mempertimbangkan amalan pendedahan maklumat laporan kewangan tahunan wakaf yang sedia ada di Malaysia, kita dapat memenuhi keperluan masyarakat dan meningkatkan kepercayaan terhadap pengurusan harta wakaf (Hisham & Muwazir 2021). Ini membantu menarik lebih ramai

penderma untuk menyumbang kepada wakaf, memperluas sumber pembiayaan untuk pembangunan pendidikan TVET. Di samping itu, Pelantikan Ejen Pentadbir Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai ejen pemungut wakaf tunai menjadi pendorong utama dalam meningkatkan jumlah kutipan wakaf, khususnya wakaf tunai (Ab. Halim et al. 2023). Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), contoh *mutawalli* seperti Timbalan Naib Canselor atau Pegawai Wakaf dilantik oleh Jawatankuasa Wakaf IPT. Mereka dipilih berdasarkan kelayakan dan integriti untuk menguruskan aset wakaf IPT. Tugas *mutawalli* termasuk memastikan pendapatan wakaf digunakan untuk program-program keagamaan dan sosial yang memberi manfaat kepada mahasiswa dan staf serta memajukan bidang pendidikan dan penyelidikan di universiti (Usman & Ab Rahman 2021). Dengan pematuhan yang teliti terhadap undang-undang serta lantikan ejen pemungut wakaf dan *mutawalli* di institusi pengajian tinggi ini dapat dipertingkatkan dengan lebih efisien dan memberi manfaat yang lebih besar kepada masyarakat. Dengan demikian, pengurusan wakaf yang beretika dan berkesan dapat membantu meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf dan memperluas impak positifnya dalam pembangunan ekonomi Islam menerusi pendidikan TVET.

Melihat kepada potensi dan peluang yang ada, wakaf dapat meningkatkan kualiti pendidikan TVET dan memberi kesan yang positif kepada pembangunan modal insan menjadi lebih besar. Pengurusan wakaf yang beretika juga memperkukuhkan hubungan antara institusi wakaf dengan komuniti tempatan, kerana masyarakat dapat melihat hasil yang jelas dari sumbangan mereka. Dengan pelaksanaan program-program pendidikan TVET yang berkesan dan berpandukan nilai-nilai Islam, pengurusan wakaf dapat menjadi instrumen yang berdaya untuk memperbaiki taraf kehidupan masyarakat sekaligus memberi manfaat yang besar kepada ekonomi Islam secara keseluruhan.

Perbandingan Wakaf dengan Model Endowment

Pembiayaan dalam konteks pendidikan terus menjadi fokus utama dalam memastikan akses yang adil dan berkualiti kepada pendidikan. Dalam konteks ini, wakaf telah muncul sebagai satu model pembiayaan yang menarik minat, terutamanya dalam sektor pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Namun, untuk memahami keseluruhan landskap pembiayaan dalam pendidikan, perbandingan dengan model pembiayaan lain menjadi penting. Dengan itu, kajian perbandingan antara wakaf dengan model pembiayaan lain memberikan wawasan yang mendalam mengenai kelebihan dan kelemahan masing-masing, serta kesesuaian mereka dalam konteks pendidikan TVET. Dalam perbandingan ini, akan dianalisis aspek-aspek seperti kelestarian, sumber pembiayaan, pengurusan, dan penekanan terhadap aspek sosial dan keagamaan. Oleh itu, penelitian ini bertujuan untuk meneroka perbezaan antara wakaf dengan model pembiayaan lain dalam konteks pendidikan TVET, serta implikasinya terhadap pembangunan pendidikan secara menyeluruh. Wakaf dan *endowment* merupakan dua mekanisme pembiayaan yang penting dalam konteks sosial dan pendidikan, namun keduanya memiliki perbezaan yang ketara dari segi definisi, pengurusan, peruntukan, fleksibiliti, kepemilikan dan pengawasan, serta tujuan.

Wakaf didefinisikan sebagai harta yang diperuntukkan untuk kegunaan sosial dan keagamaan, di mana ia tidak boleh dijual atau dipinda milik seperti yang dinyatakan oleh El

Khatib (2017). Sebaliknya, *endowment* adalah sumbangan wang atau aset yang dilaburkan, dengan pendapatan yang dihasilkan digunakan untuk aktiviti-aktiviti institusi (Morozova et al. 2016). Dari segi pengurusan, wakaf ditadbir oleh penjaga wakaf merupakan badan keagamaan atau yayasan wakaf (Senjiati et al. 2020), manakala *endowment* dikendalikan oleh institusi penerima atau yayasan khusus yang terlibat dengan pelaburan aset (Franz & Kranner 2019);(Gao et al. 2021).

Peruntukan pendapatan dari wakaf sangat terikat dengan niat asal pemberi dan biasanya digunakan untuk tujuan tertentu seperti pendidikan, kesihatan, atau keagamaan (Usman & Ab Rahman 2021). Sementara itu, pendapatan dari *endowment* lebih fleksibel dan boleh digunakan untuk pelbagai tujuan institusi termasuk penyelidikan, pengajaran, dan infrastruktur (N. V. 2022). Ini menunjukkan perbezaan dalam fleksibiliti kedua-dua mekanisme, di mana wakaf lebih kaku dan sangat terikat dengan niat asal pemberi (Kassim et al. 2019), berbanding *endowment* yang memungkinkan pendapatan digunakan mengikut keperluan dan dasar institusi (Mozes & Steffens 2021).

Dalam aspek kepemilikan dan pengawasan, wakaf dipantau mengikut undang-undang syariah (El Khatib 2017) dan ini menunjukkan keterikatan kepada prinsip-prinsip syariah, manakala *endowment* diurus oleh lembaga kepengurusan institusi dan tidak terbatas pada agama tertentu (Nguyen & Mogaji 2022). Tujuan kedua-dua mekanisme ini juga berbeza di mana wakaf lebih fokus pada kebaikan sosial dan keagamaan dengan manfaat langsung kepada masyarakat (Kasdi 2021), sedangkan *endowment* bertujuan untuk memastikan kesinambungan dan pertumbuhan institusi pendidikan dengan manfaat yang berterusan dalam jangka panjang (Kaur & Kaur 2022).

Jadual 1: Ringkasan Perbandingan Wakaf dengan Model *Endowment*

BIL	ASPEK	WAKAF	ENDOWMENT
1	Definisi	Harta yang diberikan untuk kegunaan sosial dan keagamaan, tidak boleh dijual atau dipinda milik.	Sumbangan wang atau aset yang dilaburkan, hasil pendapatan digunakan untuk aktiviti institusi
2	Pengurusan	Ditadbir oleh penjaga wakaf, sama ada badan keagamaan atau yayasan wakaf	Dikelola oleh institusi penerima atau yayasan khusus yang terlibat dengan pelaburan aset
3	Peruntukan	Pendapatan digunakan untuk tujuan tertentu mengikut niat <i>wakif</i> , seperti pendidikan, kesihatan, atau keagamaan.	Pendapatan digunakan untuk pelbagai tujuan institusi, seperti penyelidikan, pengajaran, dan infrastruktur.
4	Fleksibiliti	Kurang fleksibel, sangat terikat dengan niat asal pemberi.	Lebih fleksibel, pendapatan boleh digunakan mengikut keperluan dan dasar institusi.
5	Kepemilikan dan Pengawasan	Dipantau mengikut undang-undang syariah.	Diurus oleh lembaga kepengurusan institusi, tidak terbatas pada agama tertentu.

6	Tujuan	Fokus pada kebaikan sosial dan keagamaan, dengan manfaat langsung kepada masyarakat.	Membantu dalam memastikan kesinambungan dan pertumbuhan institusi pendidikan, dengan manfaat yang berterusan dalam jangka panjang.
---	--------	--	--

Kesimpulan dari perbandingan antara wakaf dan *endowment* membawa implikasi yang penting terhadap peranan wakaf dalam menggerakkan ekonomi Islam, terutamanya dalam menangani keterbatasan dana dalam penyelidikan dan inovasi di sektor pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Dalam konteks ekonomi Islam, wakaf memiliki peranan strategik sebagai alat pembiayaan yang mampan dan boleh diarahkan khusus untuk menyokong keperluan pendidikan dan penyelidikan yang spesifik, sejajar dengan prinsip dan nilai-nilai syariah. Walaupun wakaf menawarkan fleksibiliti yang lebih terhad dibandingkan dengan *endowment* dalam hal penggunaan dana, peranannya sangat signifikan dalam memastikan bahawa keterbatasan dana yang dihadapi oleh institusi TVET dapat ditangani dengan sumber yang berterusan dan berintegriti. Ini kerana wakaf menumpukan sumber pada inisiatif-inisiatif yang mempunyai impak langsung kepada masyarakat, seperti pembangunan fasiliti penyelidikan, penyediaan biasiswa dan pembangunan infrastruktur pendidikan yang dapat meningkatkan kualiti pendidikan TVET.

Pengurusan wakaf yang efektif dan berlandaskan syariah memastikan bahawa dana tersebut digunakan dengan cara yang memenuhi keperluan spesifik dan tetap dalam batas-batas yang ditetapkan oleh niat asal *pewakif*. Ini menjadikan wakaf alat yang amat berharga dalam ekonomi Islam untuk memperkuat kestabilan dan kekekalan pendidikan TVET yang pada akhirnya akan memberikan sumbangan pada pembangunan ekonomi dengan lebih luas melalui penyediaan tenaga kerja yang mahir dan inovatif. Oleh itu, mengembangkan kerjasama antara institusi TVET, industri dan badan wakaf serta melonggarkan peraturan yang mengawal wakaf, kita dapat memaksimumkan kegunaan wakaf sebagai sumber dana yang inovatif.. Langkah ini tidak hanya akan membuka lebih banyak peluang untuk penyelidikan dan pembangunan dalam TVET tetapi juga meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang kelebihan wakaf, memperkuat ekonomi Islam dan mengatasi keterbatasan dana yang dihadapi oleh sektor ini.

Kesimpulan

Wakaf merupakan satu instrumen penting dalam ekonomi Islam yang berpotensi memberikan sumbangan signifikan kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat, terutamanya dalam sektor pendidikan dan khususnya pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Wakaf dapat membantu menangani keterbatasan dana dalam penyelidikan dan inovasi di institusi TVET dengan menyediakan sumber pembiayaan yang berterusan dan stabil, mematuhi prinsip-prinsip syariah. Ia juga membuka peluang untuk menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti bagi golongan yang kurang berkemampuan melalui penyediaan biasiswa, bantuan kewangan, dan infrastruktur pendidikan yang baik, seterusnya menyokong pembangunan modal insan yang berkualiti. Bagi memaksimumkan potensi wakaf dalam pendidikan TVET, pengurusan yang cekap, telus, dan beretika adalah penting untuk memastikan keberkesanan pelaburan wakaf,

mematuhi undang-undang, dan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf.

Perbandingan antara wakaf dan model *endowment* menunjukkan bahawa wakaf, walaupun kurang fleksibel dari segi penggunaan dana, mempunyai peranan strategik dalam menyokong keperluan pendidikan dan penyelidikan yang spesifik, sejajar dengan prinsip dan nilai-nilai syariah. Pengembangan kerjasama antara institusi TVET, industri, dan badan wakaf, serta pelonggaran *regulasi* yang mengatur wakaf dapat membantu memaksimumkan potensi wakaf sebagai sumber pembiayaan inovatif dalam bidang pendidikan TVET dan pembangunan ekonomi Islam secara keseluruhan. Secara keseluruhan, dokumen ini menekankan kepentingan wakaf sebagai mekanisme pembiayaan alternatif yang berpotensi besar dalam menangani keterbatasan dana penyelidikan dan inovasi di sektor pendidikan TVET menyokong pembangunan modal insan yang berkualiti, dan memacu ekonomi Islam ke arah yang lebih mampan dan inklusif.

Rujukan

- Ab. Halim, M.H., Wahid, H. & Mohd Noor, M.A. 2023. Kepercayaan Penjawat Awam Terhadap Pengurusan Wakaf Tunai Melalui Ejen Pentadbir Wakaf. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance* 4(1): 122–153.
- Abdullah, S.R. 2020. Kecekapan Tadbir Urus Dalam Pengurusan Pembiayaan Harta Wakaf Produktif Di Malaysia Sakinatul Raadiyah Abdullah Akademi Pengajian. *Jurnal Maw'izah* 1(1): 117–127.
- Adinta, A.H., Rizky, M. & Nur, T. 2020. Signifikansi Wakaf dalam Keuangan Negara: Tinjauan Ekonomi Klasik dan Kontemporer. *Journal of Islamic Economics and Finance Studies* 1(1): 19–40.
- Ahmad Rashid, U., Mohamed Yusof, M. & Bhari, A. 2023. An Analysis of the Role of Waqf in the Food Industry as Quality of Life Assurance. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)* 1(1): 183–201.
- Ahmad, Z. 2018. Memperkasa Budaya Inovasi di Politeknik. In *Persidangan Perancangan Teknikal Politeknik 1. Di Nilai Spring Golf Resort Nilai Negeri Sembilan. November 2018*. Vol. 1.
- Alias, B., Ab Hamid, M.H., Sayin, B., Mat Rani, M.A. & Bhari, A. 2020. Wakaf Pendidikan Tinggi Sebagai Sumber Penjanaan Dana Dalam Kerangka Ekonomi Islam Di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies* 4(1): 17–28.
- Amaludin Ab. Rahman, Z.A.S.Z.M. 2017. *Wakaf Pendidikan dan Penyelidikan – UPM Press*.
- Anyendah, M.S., Odundo, P.A. & Ganira, L.K. 2023. Funding and Spending of TVET Curriculum for Sustainable Development: Policy Options Achievements and Constraints. *Journal of Pedagogy, Andragogy and Heutagogy in Academic Practice* 4(1): 34–45.
- Ayub, N. 2008. Buranout dan komitmen terhadap organisasi di kalangan jururawat hospital. *Jurnal Kemanusiaan* 12(1979): 73–86.
- Azmi, F. 2020. Pengembangan Manajemen Wakaf Pada Jami'Ah Al Azhar Al-Syarif Mesir. *Al-Kaffah: Jurnal Kajian Nilai-Nilai Keislaman* 8(1): 29–49.

- Basiron, J.B., Bin, M.Z., Abidin, Z., Bin, F.Z., Razak, A., Islam, F.P., Islam, U., Sultan, P. & Shah, A. 2024. Adaptasi Teori Tingkah Laku Terancang Dalam Menganalisis Niat Melakukan Wakaf Tunai (1): 2672–7471.
- Berita Harian. 2023. Norma baharu gelombang krisis makanan.
- Dalhari. 2022. Manajemen Wakaf. *At-Tujar* 10(01): 1–17.
- Daud, Mohamed, Norizah, M.A. & Noorfazreen. 2021. Pelaksanaan wakaf kesihatan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) / Norizah Mohamed@Haji Daud dan Noorfazreen Mohd Aris. In *Pelaksanaan Wakaf Kesihatan Oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) / Norizah Mohamed@Haji Daud Dan Noorfazreen Mohd Aris. In: 4th International Islamic Heritage Conference 2021 (ISHEC '21). Acade.* p. 73. Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS).
- Daud, Mohd, 1&4, A., Amalina, N., Rosly, M., Abdullah, A.A., Mustafa, H., Ismail, K., Nik, D., Saiful, M. & Sidika, M. 2022. The Elite Muslim's Acceptance Of Education Waqf Practices In Pahang State. *Jurnal Al-Sirat* 22(1): 43–59.
- Don, M.A.M., Yaacob, A.C., Langputeh, S. & Syahrudin, S. 2022. Model Wakaf Untuk Pendidikan; Pengalaman Malaysia, Indonesia dan Thailand. *Proceedings Borneo Islamic International Conference EISSN 2948-5045* 13: 246–251.
- El Khatib, M. 2017. Waqf in Shariah: Basic rules and applications. *Islamic Wealth Management: Theory and Practice* 311–319.
- Franz, R. & Kranner, S. 2019. *University Endowments: A Primer. SSRN Electronic Journal.* Otto-Wagner-Platz 3, PO Box 61 Vienna, 1010 Vienna, A-1011 Austria: Elsevier BV.
- Fuad, M. & Salleh, M. 2019. Endowment Fund (Waqaf) as an Answer to Increasing Cost in Managing Higher Institutions 71–74.
- Gao, X., Gu, Z. & Wang, Z. 2021. A Choice Model of University Endowments Governance. *B.E. Journal of Theoretical Economics* 21(1): 269–285.
- Hilmi, M.H. & Mohd Shafiai, M.H. 2022. Peranan Wakaf Tunai Sebagai Penyelesaian Isu Kos Sara Hidup Pelajar Universiti. *International Journal of Social Science Research* 4(4): 63–76.
- Hisham, M.F.B. & Muwazir, M.R. 2021. Analisis Amalan Pelaporan Dan Pendedahan Maklumat Wakaf Di Malaysia. *Labuan E-Journal Of Muamalat And Society* 15: 75–89.
- Iskandar, A. 2023. *Jejak Wakaf Sahabat: Dari Sedekah Jariyah Menuju Wakaf.* CV Jejak (Jejak Publisher).
- Ismail, M., Sheriff, S. & Hussin, H. 2021. Pemerksaan program pembangunan ekonomi usahawan asnaf melalui dana zakat / Maymunah Ismail, Sharina Sheriff dan Harniyati Hussin. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)* 3(2): 52–65.
- Ismail, M.H., Ekonomi, J., Pengurusan, F. & Muamalah, D. 2015. Model Operasi Wakaf Pendidikan Di Malaysia. In *Proceedings of International Conference on Cash Waqf (ICCW 2015) (e-ISBN978-967- 0850-08-5).* 28, 29 & 30 May 2015, Sepang, Malaysia. pp. 215–228.
- Jantan, N. 2010. Isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Di Politeknik Merlimau dan kaedah untuk mengatasinya. *Politeknik Merlimau Melaka* 10–14.
- JPPKK. 2023. Buku Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030.

- Kamalian, A., Rashki, M. & Arbabi, M. 2011. Barriers to innovation among iranian SMEs. *Asian Journal of Development Matters* 3(2): 79–90.
- Kasdi, A. 2021. Fiqih wakaf: Dari wakaf klasik hingga wakaf produktif. Idea Press.
- Kasdi, A., Tinggi, S., Islam, A. & Kudus, N. 2018. Dinamika Pengelolaan Wakaf Di Negara-Negara Muslim. *Ziswaf: Jurnal Zakat Dan Wakaf* 4(1): 73–86.
- Kassim, M., Embi, N.A.C., Haron, R. & Ibrahim, K. 2019. Internal Factors Affecting Continuous Donations among Cash Waqf Donors. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 9(9): 1304–1311.
- Kaur, M.. & Kaur, H.. 2022. Contribution Of Higher Education Institutions Towards Promoting Sustainable Economic Growth. *Scholarly Research Journal For Interdisciplinary Studies* 10(73): 17767–17772.
- Kurniawan, C.S. & Mohiddin, M.N.B. 2021. Meningkatkan Peranan Wakaf Kesehatan Dalam Menghadapi Wabak Covid-19. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance* 2(1): 157–177.
- Maharani, S.A., Putra, P. & Sara, D.V. 2018. Optimalisasi Wakaf dalam Sektor Pendidikan. *MASLAHAH (Jurnal Hukum Islam Dan Perbankan Syariah)* 9(1): 103–112.
- Mahmod, N.L., Sarif, S.A. & Hamzah, H.M. 2020. Tahap Burnout dan Kepuasan Kerja dalam Kalangan Pensyarah di Kolej Komuniti Selandar dan Politeknik Melaka. *Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC 2020)* (Imc): 14.
- Majid Omar, A., Supian, K., Kunci, K., Wakaf, P., Wakaf, P. & Selangor, W. 2023. Pemerksaan Harta Wakaf Melalui Pengurusan yang Mampan di Selangor. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 8(52): 147–160.
- Md Nawī Noor Hisham, Marwan Ismail & Mohd Kamil Ahmad. 2018. Falsafah wakaf pendidikan tinggi; Analisis epistemologi dan aksiologi. *Human Sustainability Procedia* 1(1): 1–16.
- Md Salleh, M.F., Basnan, N., Wahid, H. & Mohd Harun, A. 2022. *Perakaunan Aset Wakaf di Malaysia: Cadangan Pengolahan Perakaunan dan Pelaporan*. (S. E. Yaacob, Ed.) Pertama. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).
- Mohamad Dahalan, H. 2023. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Dalam Memperkasa Ekonomi Dan Kebajikan Ummat Islam Di Malaysia.
- Mohd Ali, S.N. Wakaf kesihatan bantu atasi isu kenaikan kos perubatan. *Berita Harian*, 28 July. *Berita Harian*.
- Mohd Sarip, M. 2023. 009-Pembangunan Ekosistem Program Sekuriti Makanan Melalui Kesatuan Institusi Zakat Dan Wakaf. In *International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSIAL 2023)*. pp. 60–69.
- Mohd Yusuf, M.A. & Abdullah, N.I. 2022. Siyasaḥ Syar’iyyah:Kajian Konsep Berdasarkan Sirah Dan Sejarah Ketamadunan Islam. *International Journal of Al-Quran and Knowledge* 2(1): 109–126.
- Mohoddin, M.N. 2021. Kredibiliti wakaf dalam menangani isu pembiayaan pengajian tinggi: Wakaf pendidikan Malaysia sebagai Model. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 6(41): 76–96.
- Morozova, L.S., Morozov, V.Y., Khavanova, N.V., Bokareva, E.V. & Litvinova, E.V. 2016. Starting a Financial Endowment by a Nonprofit Organization in Higher Education. *Indian Journal of Science and Technology* 9(42): 1–7.

- Mozes, H.A. & Steffens, J.L. 2021. The Outlook for Endowment and Pension Funds. *The Journal of Wealth Management* 24(1): 120–131.
- Muhammadiyah, U., Barat, S., Lastina, I., Syariah, E., Fitri, R., Syariah, E., Yanti, N. & Wandu, J.I. 2024. Peran Wakaf Dalam Mewujudkan Kesejahteraan Sosial : Perspektif Dari Tafsir Ekonomi Islam. *El-Kahfi / Journal of Islamic Economics* 05(01): 103–111.
- N. V., K. 2022. Endowment Funds As A Source Of Funding For Educational Institutions. *Bulletin of Toraihyrov University* 2(3): 80–89.
- Nawi, N.H.M. & Ismail, M. 2020. *Sinergisme Wakaf Pendidikan Tinggi Dan Keusahawanan Sosial Islam (Penerbit UMK) -- Google Books*. Penerbit UMK.
- Nguyen, N.P. & Mogaji, E. 2022. Universities' Endowments in Developing Countries: The Perspectives, Stakeholders and Practical Implications. *Re-Imagining Educational Futures in Developing Countries: Lessons from Global Health Crises* 261–282.
- Oviawe, J.I. & History, A. 2020. Strategies for funding technical vocational education and training for achieving sustainable national development in Nigeria in a post-oil boom economy. *Vietnam Journal of Education* 4(2): 1–10.
- Ozan, M. & Songül, K. 2020. Secondary School Administrators ' Approaches to Innovation Management and Encountered Problems. *International Online Journal of Education Sciences* 5(1): 258–271.
- Permana, Y. & Rukmanda, M.R. 2021. Wakaf: Tinjauan Fiqh, Dasar Hukum, dan Implementasinya di Indonesia. *Al-Kharaj : Jurnal Ekonomi, Keuangan & Bisnis Syariah* 3(2): 142–156.
- Ramli, K., Maamor, S., Nasri Md Hussin, M., Hazim Firdaus Mohd Asri, M., Abd Rashid, R., Pengajian Perniagaan Islam, P., Perniagaan, K., kunci, K., Harta, W., Pendidikan, W., Wakaf, B., Semi Berstruktur, T. & Keperpustakaan, K. 2023. The Development of Education City through Application of Waqf Concept: A Feasibility Study (2): 2672–7471.
- Razaki, M.M., Nafi, L.M. & Nasir, K. 2020. Persepsi Pensyarah Terhadap Penyelidikan: Satu Kajian di Kias, Kuis dan UniSHAMS. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge* 1(1): 49–66.
- Said, S. & Amiruddin, A.M.A. 2019. Wakaf Tunai dan Pemberdayaan Ekonomi Masyarakat. *Al-Mashrafiyah: Jurnal Ekonomi, Keuangan, Dan Perbankan Syariah* 3(1): 43–55.
- Sakinah Abdul Samad, Ahmad Sufian Bin Che Abdullah & Kamaruzamn Noordin. 2022. Dapatan Awal Mengenai Praktis Wakaf Ahli Di 5 Buah Majlis Benefisiari Wakaf. *Jurnal Pengajian Islam* 15(Special Issue): 96–113.
- Sarif, S.A.B., Liyana Binti Mahmud, N., Akmar Binti Kamaruddin, N. & Komuniti Selandar, K. 2017. e Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17).
- Senjiati, I.H., Malik, Z.A., Ridwan, I.L. & Irwansyah, S. 2020. Management of Waqf Assets at Waqf Institutions in Indonesia. In *Proceedings of the 2nd Social and Humaniora Research Symposium (SoRes 2019)*. pp. 297–302. Atlantis Press.
- Syed Abdul Kader, S.Z. 2016. Legal Framework for Waqf Management in Malaysia: Towards Uniformity of Laws | Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia* 28(1): 101–126.

- Talib, H., Abdul Ghani, N. & Sarip, M.M. 2023. Analisis Literatur Kajian Pembangunan Wakaf Dalam Index Scopus. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)* 3(2): 129–141.
- Talib, H., Sarip, D.M. & GHANI, N.A. 2023. Potensi Wakaf Dalam Sekuriti Makanan: Satu Sorotan Awal. In *International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSYAL 2023) 15th November 2023*. pp. 177–184.
- Usman, M. & Ab Rahman, A. 2021. Funding higher education through waqf: a lesson from Pakistan. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 14(2): 409–424.
- Yafi, L. 2024. Productive Waqf Development Strategy to Grow Community Economy in Selangor Malaysia. *Demak Universal Journal of Islam and Sharia* 2(03): 189–198.
- Zaldi & Tanjung, D. 2023. Wakaf Dalam Perspektif Hukum Positif dan Hukum Islam. *Rayah Al-Islam* 7(1): 449–462.